Utusan Borneo: 14 November 2026

Tukang rumah didenda RM3,500 rosakkan 'cover set' motosikal milik seorang lelaki

KUCHING: Mahkamah Majistret di sini, semalam menjatuhkan hukuman denda RM3,500 terhadap seorang tukang rumah yang mengaku bersalah merosakkan 'cover set' motosikal milik seorang lelaki sehingga mengakibatkan kerugian RM450.

Majistret Ling Hui Chuan memerintahkan Mohd Noor Izwan Samsudin, 39, untuk dipenjara empat bulan sekiranya gagal membayar denda.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 427 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara minimum setahun dan maksimum lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Mengikut fakta kes, kejadian berlaku pada 9 November lalu sekitar jam 1 petang apabila seorang lelaki berusia 32 tahun (pengadu) sedang menunggang motosikal melalui Jalan Belatok, Taman Malihah.

Semasa dalam perjalanan, pengadu mendapati seorang lelaki dikenali (tertuduh) yang turut menunggang motosikal, telah menendang motosikal pengadu sehingga menyebabkan dia terjatuh.

Pemeriksaan kemudian mendapati bahagian cover set motosikal milik pengadu rosak dan pecah, dengan kerugian dianggarkan RM450.

Berikutan itu, laporan polis dibuat dan hasil siasatan membawa kepada penangkapan tertuduh pada 11 September 2026.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Nurul Aqila Morsalin sementara tertuduh tidak diwakili peguam.